

ARKAISME DALAM BAHASA MELAYU: SUATU TINJAUAN DARI ASPEK KOSA KATA DALAM TEKS KLASIK

S. Nathesan

Abstrak

Arkaisme merupakan elemen yang menarik dan menakjubkan dalam bahasa. Justeru artikel ini merupakan satu lagi usaha untuk menelusuri beberapa daripada ciri kata-kata arkaik yang ditemukan dalam teks-teks lama seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Malim Deman*, dan *Hikayat Hang Tuah*. Di samping mengenal pasti kata-kata yang 'old-fashioned' ini, kajian ini mengenal pasti ciri-ciri utama kata arkaik. Arkaisme memperlihatkan keberdayaannya untuk membentuk dan mencipta kata dan istilah baharu dalam bahasa Melayu. Kini beberapa daripada kata ini telah meresap masuk ke dalam perbendaharaan kata Melayu moden. Meskipun arkaisme dianggap sudah usang, namun masih wujud dalam teks Melayu klasik lama, sastera lama, puisi, teks keagamaan, dan dalam beberapa teks perundangan.

Abstract

Archaism is an interesting and intriguing facet of language. Therefore, this article is another attempt to trace some of the characteristics of archaic words found in old texts like Sejarah Melayu, Hikayat Malim Deman, and Hikayat Hang Tuah. Besides identifying these 'old-fashioned' words, this study recognizes the characteristics of these archaic words. Archaism portrays its resourcefulness in formulating and coining new words and terms in the Malay language. Now, some of these words have found their way into the modern Malay vocabulary after undergoing some phonological and morphological changes. Archaism though considered obsolete, but do still exists in old classical Malay texts, old Malay literature, poetry, religious texts, and in some law books.

PENGENALAN

Dalam dunia hari ini, terdapat banyak barang atau benda yang disebut sebagai barang antik atau lama seperti kereta antik, jam antik, dan bermacam-macam barang antik lagi. Tetapi, adakah hal ini berlaku kepada bahasa? Adakah terdapat perkataan yang dianggap sebagai perkataan lama atau kuno dalam bahasa? Memang ada perkataan yang dianggap sebagai perkataan lama atau kuno dalam bahasa. Kata-kata itu disebut sebagai kata usang atau arkaik dalam bahasa.

Satu lagi persoalan: Adakah semua perkataan dalam leksikon sesuatu bahasa itu kekal selama-lamanya dalam bahasa tersebut? Tentunya tidak! Dalam evolusi dan perkembangan sesuatu bahasa, memang ada perkataan yang lenyap atau hilang daripada penggunaannya, dan terus tidak digunakan lagi dalam tulisan atau percakapan umum. Kehilangan sesuatu perkataan dalam bahasa atau ketidaklaziman penggunaan perkataan-perkataan tertentu dalam bahasa disebut sebagai arkaisme.

Leksikon bahasa Melayu penuh dengan berbagai-bagai jenis perkataan, seperti kata warisan, kata pinjaman atau kata serapan, kata slanga, kata basahan dan istilah. Menurut Asmah Hj. Omar (1991), perbendaharaan kata Melayu asli pada hari ini terdiri daripada tiga subkategori, iaitu kata Melayu am, kata Melayu dialek, dan kata Melayu usang atau arkaik.

Definisi Konsep

Arkaik

Sebelum membincangkan unsur arkaisme dalam bahasa Melayu, elok diketahui dahulu maksud kata dasar arkaisme, iaitu **arkaik** dahulu. Jadi, apakah maksud arkaik? Umumnya, arkaik bermaksud usang, kuno atau sesuatu yang bersifat lama. Arkaik juga dapat diertikan sebagai kata yang 'old-fashioned' atau yang tidak terdapat dalam penggunaan sekarang. Dalam konteks bahasa, kata arkaik pula ialah sesuatu perkataan atau rangkai kata yang tidak digunakan lagi atau yang hilang daripada penggunaannya, seperti kata *ayapan* (bermaksud makanan dan minuman untuk orang kebanyakan). Suatu ketika dahulu, kata ini lazim digunakan dalam teks klasik, seperti dalam ayat "... baiklah dipanggil dia malam ini, dianugerahi *ayapan* ..." (*Sejarah Melayu*, hlm. 37). Kata-kata seperti ini memang jarang digunakan sekarang dan kini hanya terakam dalam kamus-kamus Melayu, seperti *Kamus Dewan*.

Ahmad Ramizu Abdullah (1998) mentakrifkan kata arkaik dalam bahasa Melayu sebagai "kata-kata Melayu yang jarang ataupun tidak biasa

lagi digunakan pada hari ini.” *Kamus Dewan* Edisi Keempat (KD4) (2005) pula menerangkan kata arkaik sebagai “kuno, sudah tidak lazim dipakai lagi (berkenaan dengan kata, ungkapan dan sebagainya)”.

Arkaisme

Menurut Crystal (1997), arkaisme umumnya ialah perkataan atau frasa lama yang tidak lagi dituturkan atau tidak lagi digunakan dalam tulisan. Sementara itu, P.H. Matthews dalam *Oxford Dictionary of Concise Linguistics* (1997) menerangkan arkaisme sebagai ‘*form or use of a form which is obsolete or belongs recognizably to an older stage of a language*’. Hal ini bermakna bentuk bahasa atau penggunaan sesuatu bentuk tersebut dianggap sudah usang. Selain itu, bentuk ini boleh dijejaki dalam bahasa lama sesuatu bahasa. Misalnya, kata seperti *sebermula*, *arakan*, *laksa* dan *peterana* amat luas digunakan dalam teks klasik seperti *Sejarah Melayu*. Tetapi, kini kebanyakan kata ini tidak lagi digunakan dalam pertuturan atau tulisan bahasa Melayu baku (BMB). Walau bagaimanapun, bentuk-bentuk kata seperti ini boleh ditelusuri dalam teks-teks klasik Melayu.

Kesimpulannya, unsur arkaisme merujuk kepada pemakaian kata, ejaan, bentuk kata, frasa dan ayat yang digunakan secara kuno atau lama. Hal-hal seperti ini pernah dikupas dalam bidang filologi¹ yang memberikan tumpuan terhadap penyelidikan linguistik sejarah yang berdasarkan bahan tulisan dan kesusasteraan pada masa dahulu. Dewasa ini, bidang linguistik sejarawi pula mengkaji perubahan jangka pendek atau jangka panjang dalam sistem bunyi, tatabahasa, dan kosa kata sesuatu bahasa (*Kamus Linguistik*, 1997). Bynon (1977) pula menerangkan bahawa bidang ilmu linguistik sejarawi cuba menyelidik dan memerikan cara bahasa berubah atau mengekalkan strukturnya dalam peredaran masa. Sihler (2000) pula berpendapat bahawa linguistik sejarawi ialah bidang kajian tentang prinsip-prinsip perubahan bahasa.

Walaupun bagaimanapun, penulis berpendapat bahawa arkaisme ada sangkut paut dengan bidang etimologi.² Hal ini disebabkan arkaisme berkaitan dengan kosa kata sesuatu bahasa yang sudah menjadi usang, manakala etimologi pula berkaitan dengan sejarah leksis, yakni menyiasat asal usul sesuatu leksem tertentu, dan bagaimana leksem tersebut mengalami

¹ Istilah tradisional yang digunakan dalam bahasa untuk merujuk kepada kajian sejarah bahasa (David Crystal, 1992).

² Etimologi merujuk kepada kajian hubungan sejarah antara perkataan dan bentuk-bentuk awal sesuatu kata itu (*Oxford Concise Dictionary of Linguistics*, 1997).

perubahan-perubahan sehingga terjadinya bentuk yang sedemikian. Collins (1990) juga menegaskan bahawa etimologi ada menyangkut dengan ilmu linguistik sejarah kerana etimologi bukan sahaja menyusur galur sejarah kata, malah meneliti kata-kata yang diturunkan daripada bahasa purba.

Seterusnya, makalah ini akan meneliti dan membincangkan unsur-unsur arkaisme yang wujud dalam bahasa Melayu, khususnya dengan rujukan kepada tiga teks klasik Melayu, iaitu *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah*, dan *Hikayat Malim Deman*.

Korpus Kajian

Untuk kajian ini, kira-kira 150 patah perkataan yang dipetik daripada tiga teks Melayu lama, yakni *Sejarah Melayu*, *Hikayat Malim Deman*, dan *Hikayat Hang Tuah* dijadikan sebagai korpus untuk dikaji dan dianalisis kosa kata yang dianggap sebagai kata arkaik. (Lihat senarai lengkapnya dalam Lampiran 1, 2 dan 3).

Tatacara Kajian

Dalam teks lama, lazimnya disenaraikan perkataan lama atau klasik pada bahagian akhir teks sebagai catatan atau daftar kata bagi teks tersebut. Senarai perkataan yang disediakan ini adalah untuk tujuan memberikan maksud kepada perkataan yang disenaraikan dalam teks berkenaan. Hal ini dianggap penting dalam teks lama kerana kebanyakan perkataan merupakan kata arkaik atau kata sastera lama. Oleh hal yang demikian, senarai sedemikian ini membolehkan pembaca memahami maksud perkataan yang digunakan dalam teks ini.

Daripada sekian banyak perkataan yang ditemukan, kira-kira 150 patah perkataan, iaitu perkataan yang dianggap sebagai kata arkaik atau sastera lama dalam teks klasik, dikutip dan dianalisis untuk kajian ini. Kemudian, kata-kata ini dirujuk maknanya dalam kamus-kamus Melayu, khususnya KD4 untuk menentukan jenis entrinya, sama ada entrinya adalah sebagai kata arkaik ataupun sebagai kata sastera lama. Hanya entri kata arkaik (ark) atau sastera lama (sl) dimasukkan dalam daftar untuk dikaji dan dianalisis.

Lazimnya, kata arkaik dan kata sastera lama merupakan perkataan yang agak terhad penggunaannya dalam pertuturan atau tulisan hari ini. Menurut KD4 (2005), kata arkaik ialah perkataan yang jarang dipakai, penggunaannya terbatas, sudah kuno atau mati atau disangsikan kebenarannya. Demikian juga kata sastera lama dianggap sebagai kata lama atau kuno yang lazimnya sudah tidak dipakai sekarang oleh masyarakat.

Latar Teks *Sejarah Melayu*, *Hikayat Malim Deman*, dan *Hikayat Hang Tuah*

Teks pertama yang diguna pakai dalam kajian ini ialah teks *Sejarah Melayu* yang diusahakan oleh W.G. Shellabear, dan pertama kalinya diterbitkan pada tahun 1896 di Singapura. Teks ini pada asalnya dicetak oleh Malay Publishing House, Singapura, dan kemudian dicetak ulang beberapa kali oleh Penerbit Oxford University Press dan Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd. Untuk kajian ini, edisi ketiga terbitan tahun 1977 digunakan. Teks yang menggunakan ejaan baharu ini disediakan untuk kegunaan pelajar-pelajar Melayu oleh Penerbit Fajar Bakti Sendirian Berhad.

Teks kedua ialah *Hikayat Malim Deman*. Teks ini juga merupakan terbitan Penerbit Fajar Bakti yang diusahakan oleh Pawang Ana dan Raja Haji Yahya. Terbitan sulung teks ini adalah pada tahun 1960, dan sudah dicetak ulang beberapa kali. Pada suatu ketika dahulu, teks ini merupakan teks wajib bagi pelajar-pelajar yang mengambil mata pelajaran Kesusasteraan Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Teks terakhir ialah *Hikayat Hang Tuah*. Teks ini diusahakan oleh Kasim Ahmad berdasarkan naskhah Dewan Bahasa dan Pustaka. Teks ini pertama kali dicetak pada tahun 1964 dan dicetak ulang sehingga beberapa banyak kali. Pada tahun 1980-an dulu, teks ini merupakan teks wajib bagi pelajar-pelajar STPM yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu.

Kajian Lampau

Beberapa orang pengkaji tempatan pernah meneliti persoalan arkaisme dalam bahasa Melayu. Antaranya termasuklah Ahmad Ramizu Abdullah, Asmah Hj. Omar dan Rahim Aman. Umpamanya, Ahmad Ramizu (1998) pernah membincangkan kata usang (arkaik) dalam teks klasik *Hikayat Seri Kelantan*. Dalam kajian ini, Ramizu memilih beberapa banyak kata daripada teks Melayu lama, khususnya daripada teks *Hikayat Seri Kelantan* dan kemudian menganalisis perubahan fonologi yang berlaku kepada kata-kata tersebut.

Satu lagi sumber yang penting selain teks lama untuk memperoleh kata-kata arkaik ialah kamus lama, iaitu kamus yang diterbitkan pada masa dahulu. Umpamanya, Rahim (1997, 1998) pernah mengkaji kosa kata arkaik dalam *Kamus Bowrey* yang diterbitkan pada tahun 1701. Selain membincangkan frasa dan kata arkaik, beliau turut membincangkan perubahan makna yang dialami oleh frasa dan kata arkaik yang terdapat dalam kamus tersebut pada masa sekarang. Menurut Rahim, ada kata yang

sudah mengalami perluasan makna, ada yang mengalami penyempitan makna dan ada yang mengalami penggantian makna sekarang.

Nathesan (2001), dalam kajian terhadap *Kamus Swettenham* yang diterbitkan pada 1881 pernah menyenaraikan beberapa kata arkaik. Ketika diteliti entrinya yang berjumlah 5 500 patah perkataan, beliau mendapati ada beberapa kata di dalamnya yang kini sudah menjadi usang kerana kata-kata itu kurang atau tidak lazim dipakai lagi. Misalnya, *alif-bah-ta* (abjad), *kahua* (kopi), *blahak* (sendawa), *long* (keranda), *budak joget* (penari wanita), *sarung surat* (sampul surat), *bagan* (feri), dan *mawan* (wanita) merupakan perkataan yang sudah tidak digunakan lagi dalam percakapan atau penulisan hari ini. Oleh hal yang demikian, kamus lama juga merupakan sumber rujukan yang amat penting untuk menelusuri kata arkaik.

Dalam pada itu, Asmah Hj. Omar (1991) ada membincangkan sedikit tentang kata usang seperti *samuha* dalam bukunya *Bahasa Melayu Abad ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu Aqa'id Al-Nasafi*, khususnya dalam Bab ke-10, ketika membicarakan perbendaharaan kata yang terdiri daripada kata asli Melayu. Selain itu, Asmah ada menyenaraikan beberapa banyak kata arkaik yang dijumpai dalam teks tersebut. Antaranya ialah *samuha*, *pinta*, *bagai*, *pegawai*, *penguasa*, dan *keliaran*. Kesemua kata ini dianggap arkaik kerana tidak lagi mendukung makna asal. Walau bagaimanapun, ada kata-kata yang sudah menjadi sebahagian daripada kosa kata BMB hari ini setelah mengalami beberapa banyak perubahan seperti perubahan fonologi, fungsi dan makna. Umpamanya, kata *samuha* dianggap usang kerana bentuk asalnya kini sudah berubah. Kini bentuknya ialah *semua* setelah mengalami perubahan fonologi dan mendukung makna dan fungsinya yang sama. Asmah berhujah bahawa bentuk *samuha* merupakan bentuk proto yang menurunkan kata semua.

Kata usang *pinta* pula mengalami perubahan fonologi dan fungsi berbanding dengan kata *pinta* yang digunakan sekarang. Jelas Asmah, kata *pinta* telah mengalami perubahan morfofonemik yang melibatkan penyenguan konsonan pertama pada kata dasar *pinta*. Sekarang kata dasarnya ialah *minta*. Seterusnya, kata arkaik *bagai*³ dianggap kata usang kerana sudah hilang makna dan fungsinya. Walau bagaimanapun, kata ini masih kedapatan dalam BMB tetapi telah mengalami perubahan fungsi atau

³ Menurut Nathesan (1995), kata *bagai* ialah kata pinjaman daripada bahasa Tamil 'vaggai' dan kata ini mendukung beberapa maksud dalam bahasa Tamil. Tetapi, dalam bahasa Melayu *bagai* membawa maksud 'seperti' atau 'umpama' sekarang (KD4, 2005).

maknanya mengikut peredaran masa. Kata *bagai* kini berfungsi sebagai kata depan perbandingan, seperti yang digambarkan dalam perumpamaan, 'bagai intan dengan permata'.

Demikian juga kata arkaik *pegawai* yang dahulunya merujuk kepada alat, kini telah mengalami perubahan makna untuk merujuk kepada manusia, penguasa yang membawa makna kekuasaan kini merujuk kepada manusia, dan kata usang *keliaran* dengan maksud (dalam) perjalanan kini berubah bentuk menjadi (ber)keliaran untuk mendukung makna 'berjalan merata-rata atau ke sana sini'.

Sesuatu perkataan itu dianggap sebagai arkaik atau usang berdasarkan beberapa faktor seperti aspek fonologi, morfologi, makna dan fungsi penggunaannya (Ahmad Ramizu, 1998). Contohnya, sesuatu kata dianggap arkaik kerana berubah ejaannya berbanding dengan ejaan kata itu dalam bahasa Melayu baku (BMB). Misalnya, kata *sahaya* dianggap usang kerana kata ini telah berubah ejaan untuk menjadi *saya* sekarang dalam BMB. Ada juga kata dianggap usang kerana perubahan morfologi yang terjadi pada perkataan tersebut, seperti kata *marlapas* yang kini dieja sebagai *berlepas*. Demikian juga kata arkaik *mama* (emak saudara) kini sudah berubah makna menjadi kata panggilan bagi ibu kandung.

Tujuan Kajian

Kajian yang diusahakan ini merupakan satu lagi percubaan untuk meneliti beberapa banyak perkataan dalam teks klasik yang dianggap arkaik. Kajian terhadap kata-kata tersebut menunjukkan bahawa ada antara kata ini telah termasuk dalam kosa kata Melayu moden sesudah mengalami perubahan-perubahan yang tertentu. Oleh hal yang demikian, kajian ini bukan sahaja mengenal pasti kata arkaik dalam teks lama, malah akan menelusuri dan menghuraikan jenis perubahan yang dialami oleh perkataan tersebut untuk diterima masuk ke dalam BMB.

Sudah tentu setiap jenis kosa kata ada ciri-cirinya yang tersendiri. Demikian juga kosa kata klasik ada ciri-cirinya yang tersendiri. Kita bermula dengan perbincangan tentang ciri-ciri kosa kata yang terdapat dalam teks klasik Melayu.

Ciri-ciri Kosa Kata Teks Klasik

Kalau diteliti teks-teks klasik Melayu, terdapat beberapa banyak ungkapan atau kalimat yang dianggap arkaik atau kata sastera lama. Oleh hal yang

demikian, kosa kata laras bahasa istana dapat dianggap sebagai bentuk bahasa lama atau arkaik. (Lihat S. Nathesan, 2007).

(a) Kata pinjaman

Penelitian terhadap kata arkaik dalam teks klasik menunjukkan bahawa sebahagian daripada kata arkaik merupakan kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit, Arab, Parsi, Jawa. Selain itu, terdapat beberapa kata pinjaman daripada bahasa Tamil, Kawi, Feringgi, Cina, dan lain-lain lagi. Hal ini merupakan sesuatu yang lumrah kerana bahasa Melayu pernah bertembung dengan beberapa budaya agung seperti budaya Arab, India dan Cina pada zaman dahulu. Dengan menerima pengaruh luar dan peradaban asing, bahasa Melayu telah menambahkan perbendaharaan kata Melayu (Wahyunah Hj. Abd. Gani, 1991). Perhatikan beberapa contoh kata pinjaman dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1 Kata arkaik yang terdiri daripada kata pinjaman.

Bahasa sumber	Kata arkaik/sastera lama
Arab	afwah, ghana, gharib, ghurab, ikhwan, iktikad, karar, kaul, kifarot, loklok, makbud, masyrik, mihrab, munajat, nahi, sakhawat, sawab, tahkik, takwil, tuhfat, wardi, dan zulmat
Jawa	adipati, kedayan, kula, manira, dan pangeran
Parsi	darwish, nobat, lasykar, sakar, dan sanbal
Portugis (Feringgi)	armada, beledu, kapitan, lancang, dan seridadu.
Sanskrit	adikara, adi, jaksa, mahaduta, mahajana, perwara, peterana, dan rajaduta,
Tamil	pitis, santeri (santiri), dan mahligai

(b) Sumber kosa kata bagi BMB

Satu hal yang jelas tentang kata arkaik adalah bahawa sebilangan kata yang tergolong sebagai kata arkaik, kini sudah mula dimasukkan ke dalam bahasa Melayu baku (BMB). Tetapi, sebelum diterima masuk ke dalam kosa kata Melayu moden, kata-kata tersebut telah mengalami proses-proses yang tertentu supaya dapat diterima ke dalam kosa kata moden. Umpamanya, kata seperti *berita* (daripada warita), *cerita* (daripada cetera), dan *istana* (daripada astana) sebenarnya berasal daripada kata arkaik. Kini

kata *berita*, *cerita* dan *istana* merupakan sebahagian daripada kosa kata BMB. Kata-kata ini kini ada terakam dalam KD4 (2005) sebagai kosa kata BMB.

Tetapi, kata-kata tersebut telah mengalami perubahan fonologi untuk menjadi sebahagian daripada leksikon Melayu moden. Misalnya, kata *astana* berubah menjadi *istana* (perubahan fonem /a/ > /i/ *adiah* > *hadiah*) (tambahan konsonan /h/ pada awal kata), dan *serual* > *seluar* (perubahan konsonan /r/ > /l/ dan /l/ > /r/).

Perhatikan beberapa kata arkaik yang mengalami perubahan fonologi untuk diterima masuk ke dalam bahasa Melayu baku (BMB) seperti yang berikut:

Kata arkaik		BMB
adiah	>	hadiah
ala	>	kalah
astana	>	istana
berlau	>	belau
jejenang	>	jenang
jelat	>	helah
kebiri	>	kembiri
makota	>	mahkota
mejelis	>	majlis
merdeheka	>	merdeka
musara	>	sara
persetua	>	peristiwa
pertua	>	tua-tua
samuha	>	semua
sanya	>	sebenarnya
serual	>	seluar
sulu	>	suluh
terum	>	derum
uma	>	huma
upeti	>	ufti
warita	>	berita/cerita

(c) Kelainan kata dan makna berbanding dengan BMB

Dalam BMB, terdapat beberapa banyak kata arkaik yang berlainan kata berbanding dengan kata yang ada dalam BMB. Umpamanya, dalam BMB

terdapat kata ganti nama diri pertama seperti *saya*, *kami*, *kita*, dan *patik*. Tetapi, kosa kata klasik pula memiliki kata ganti diri yang tersendiri dan berbeza daripada kata yang digunakan pada hari ini. Terdapat kata seperti *kula*, *manira senda*, dan *ulun* yang digunakan sebagai kata ganti diri pertama untuk membawa maksud 'saya' dalam kosa kata arkaik yang ditemukan dalam teks klasik. Kata ganti diri seperti ini tidak lagi digunakan pada hari ini. Hal yang menarik adalah bahawa kata ganti nama diri pertama seperti *aku*, *patik*, dan *kita* juga ada digunakan dalam teks klasik di samping kata istimewa tadi.

Demikian juga terdapat beberapa kata yang mendukung makna yang berlainan berbanding dengan makna kosa kata BMB. Misalnya, kata seperti *hakim* (orang pandai-pandai, cendekiawan), *nikmat* (makanan yang lazat) dan *pegawai* (alat perkakas) mendukung makna yang berlainan daripada makna yang digunakan pada hari ini. Dalam BMB, *hakim* ialah "pegawai yang mengadili sesuatu pembicaraan dalam mahkamah", *nikmat* ialah "kurnia, keenakan" dan *pegawai* ialah "orang yang bekerja dengan kerajaan". Dengan perkataan lain, kata-kata tersebut telah mengalami peluasan atau pertambahan makna.

Ada kosa kata arkaik dalam teks klasik yang menunjukkan kehalusan bahasa. Contohnya, ada kata *pelindungan* bagi menggantikan kata jamban atau tandas. Demikian juga ada kata seperti *berpukas* untuk membawa maksud "berbogel" (digunakan khusus untuk perempuan). Hal ini barangkali menunjukkan betapa masyarakat lama mengambil berat tentang kesantunan bahasa.

(d) Penanda wacana

Dalam kosa kata klasik, terdapat beberapa banyak penanda wacana yang digunakan secara istimewa pada masa dahulu. Umpamanya, penanda wacana *syahdan* digunakan untuk maksud "selanjutnya" seperti dalam ayat "Syahdan, telah datang ke Jambu Air ..." (*Sejarah Melayu*, hlm. 62). Kini didapati kebanyakan penanda wacana ini tidak lagi digunakan dalam tulisan mahupun dalam pertuturan harian. Antaranya termasuklah kata arkaik seperti *alkisah*, *arakian*, *hatta*, *kalakian*, *maka*, dan *sebermula*. Kata *maka* masih ada digunakan dalam bahasa Melayu, tetapi dengan mendukung makna yang berbeza, iaitu makna "sebab itu, kerana itu"; "bahawa" dan "dengan sebab itu". Selain itu, terdapat penggunaan perangkai seperti kata *sahibul hikayat* (yang empunya cerita) dalam teks-teks klasik. Penggunaan perangkai seperti ini tidak lagi menjadi amalan dalam penulisan pada hari ini.

(e) Sumber istilah dan perkataan baharu dalam bahasa Melayu

Dalam pada itu, kosa kata arkaik turut menjadi sumber istilah bagi bahasa Melayu dalam pelbagai bidang. Berdasarkan Tatacara Pembentukan Istilah (1992), Langkah 1, istilah boleh dibentuk daripada kata Melayu umum, termasuk bahasa lama (kata arkaik atau usung) yang terdapat dalam bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, perkataan yang dianggap arkaik dalam bahasa Melayu, seperti *sita* (tuntutan mahkamah) boleh diambil menjadi istilah dalam bidang perundangan.

Selain itu, ada banyak perkataan arkaik yang kelihatan lebih persis bentuknya, seperti *rumal* (sapu tangan), *keti* (seratus ribu), *bentan* (jatuh sakit lagi) untuk menjadi perkataan alternatif atau pilihan dalam bidang-bidang tertentu untuk memperkaya khazanah perbendaharaan kata Melayu. Misalnya, *keti* tampak lebih ringkas dan persis berbanding dengan rangkaian kata *seratus ribu* bagi angka 1 000 000 dalam bidang Matematik. Barangkali penggubal istilah boleh menelusuri kosa kata arkaik yang terdapat dalam bahasa Melayu lama untuk menggubal istilah baharu atau perkataan baharu dalam BMB.

(f) Cerminan masyarakat dahulukala

Kosa kata yang terdapat dalam teks klasik, sebenarnya merupakan cerminan masyarakat lampau. Kosa katanya dengan jelas memperlihatkan keadaan hidup masyarakat zaman dahulu, yakni golongan istana dan bangsawan. Kosa kata yang digunakan menerangkan cara hidup mereka, cara pemikiran mereka, dan kepercayaan mereka. Misalnya, kata-kata seperti **kayangan**, **kuda semberani** menjelaskan bahawa masyarakat ketika itu mempercayai kewujudan dunia lain yang disebut sebagai kayangan. Mereka menganggap dunia ini dihuni oleh dewa-dewa dan kuda istimewa ini merupakan wahana untuk membawa mereka ke kayangan.

Oleh sebab teks klasik menceritakan kisah raja, maka terdapat banyak perkataan yang ada hubung kait dengan kehidupan golongan istana, seperti tempat duduk raja, anak raja, permaisuri, pengiring raja, pengawal raja dan sebagainya. Dengan demikian wujudlah kata-kata arkaik seperti *peterana* (tempat duduk anak raja), *astaka* (balai pertemuan raja dengan rakyatnya), *pancapersada* (tempat bersemayam raja sewaktu pertabalan raja), dan *biti-biti* (hamba perempuan di istana). Kata-kata ini dengan jelas menggambarkan cara hidup golongan istana seperti yang diceritakan dalam teks-teks klasik.

Demikian juga terdapat banyak nama senjata tradisional seperti *jogan*, *rentaha*, *tombak*, *pedang jenawi*, dan *sempana*. Hal ini menerangkan bahawa masyarakat silam berperang antara satu sama lain dengan menggunakan senjata kuno seperti di atas. Senjata seperti ini tidak lagi dipakai sekarang, hanya disimpan di muzium.

Kehidupan masyarakat tradisional amat bergantung pada laut dan sungai. Selain sebagai jalan pengangkutan, laut dan sungai dijadikan sumber untuk mencari nafkah hidup. Hal ini jelas dalam kosa katanya kerana terdapat banyak perkataan arkaik bagi jenis-jenis kenderaan air dalam teks klasik. Kini didapati tidak wujud kenderaan yang disebutkan di bawah, dan nama-nama ini jarang digunakan bagi kenderaan air sekarang. Perhatikan beberapa daripadanya di dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2 Jenis kenderaan laut dalam teks klasik.

Nama kenderaan air	Maknanya
cerucuh	sejenis kapal purba
ghali	sejenis kapal lama
ghalias	sejenis kapal kuno yang besar
lancaran	sejenis kapal Melayu lama yang laju jalannya
lanca	sejenis kapal layar jenis Eropah
melangkang	perahu lama yang dasarnya rata dan diperbuat daripada kayu
pelang	sejenis kapal perdagangan purbakala
pilau	sejenis perahu
sum	sejenis perahu Siam

KESIMPULAN

Walaupun kata-kata arkaik dianggap usang dan sudah tidak digunakan lagi secara meluas pada hari ini, kosa kata arkaik dan sastera lama masih boleh didapati pada hari ini, tetapi dalam konteks yang terhad, khususnya dalam majlis yang melibatkan golongan istana seperti Majlis Raja-Raja, serta majlis-majlis yang dihadiri oleh raja, sultan ataupun golongan istana. Dalam majlis seumpama itu, lazimnya akan kedengaran penggunaan bahasa istana. Sudah tentu dalam bahasa tersebut ada kosa kata klasik, seperti *ampun tuanku*, *patik*, *beta*, *titah*, dan sebagainya digunakan. Dalam erti kata lain, kata arkaik dari satu segi masih hidup segar khususnya dalam penggunaan yang terhad oleh golongan istana. Justeru selagi ada golongan istana, selagi itulah akan terpelihara kosa kata arkaik daripada pupus akibat ditelan zaman.

Demikianlah penelitian secara tuntas tentang unsur arkaisme yang terdapat dalam bahasa Melayu dengan membuat rujukan kepada tiga buah teks klasik Melayu. Unsur arkaisme, sesungguhnya, merupakan satu ciri yang cukup menarik dalam bahasa, termasuk dalam bahasa Melayu. Arkaisme nampaknya masih hidup dalam penulisan sastera lama, puisi, agama, teater, filem, dan juga undang-undang. Selain menjadi penyumbang kepada kosa kata BMB, kata arkaik juga amat menarik, khususnya dalam ilmu linguistik sejarawi dan etimologi. Dengan menelusuri kata arkaik dalam teks-teks klasik, kita dapat mengenal cara hidup, kegiatan, kepercayaan, dan cita rasa masyarakat pada zaman dahulu, selain mengenal bentuk bahasa yang digunakan pada ketika itu.

RUJUKAN

- Ahmad Ramizu Abdullah, "Kata-Kata Usang Bahasa Melayu dalam Hikayat Seri Kelantan" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 42:11, hlm. 1024 – 1032, 1998.
- Asmah Hj. Omar, 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar, 1991. *Bahasa Melayu Abad Ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu Aqa'id Al-Naafi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bynon, Theodora, 1977. *Historical Linguistics*. Cambridge: Oxford University Press.
- Crystal, David. 1992. *Dictionary of Linguistics and Phonetics*. Blackwell Publishers: Oxford.
- Collins, James T., 1990. "Persoalan Sumber Data dalam Penyusunan Sejarah Bahasa Melayu" dlm. Zaiton Ab. Rahman dan Zaini Mohammad Zain (penyelenggara) *Pensejarahan Bahasa Melayu: Beberapa Pandangan Awal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T., 2001. *Mukadimah Ilmu Etimologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*, 1992. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahim Aman, "Bahasa Melayu Abad Ke-17: Satu Sorotan terhadap Kamus Bowrey" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 41:10, hlm. 882 – 889, 1997.
- Rahim Aman, "Orang Melayu Abad Ke-17: Kajian Lanjutan Kosa Kata Arkaik, Morfologi, dan Perubahan Makna Kamus Bowrey" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 42:11, hlm. 1003 – 1012, 1998.
- Nathesan, S., 1995. *Makna dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Nathesan, S., “Ceritera Bahasa Istana” dlm. *Dewan Bahasa* 7:8, hlm. 28 – 31, 2007.

Sihler, Andrew, 2000. *Language History: An Introduction*. Amsterdam: John Benjamin Publishing Company.

Lampiran 1

Senarai kata arkaik yang dipetik daripada teks *Sejarah Melayu*

Kata arkaik/sastera lama	Makna
Ayapan	makanan dan minuman
Aria	ukuran isi (dua cupak)
astaka	balai pertemuan
bahana	nyata, jelas
bahara	sejenis timbangan
baluhan	kayu rangka tempat duduk yang dipasang di belakang gajah
banian	peti
bayu	hamba
bentan	sakit lagi
berakah	sombong
biat	kawasan, tempat
bermara	mendapat celaka
cenderung	lereng bukit yang curam
ceteria	kesateria
daksina	selatan
derji	tukang jahit
dibiru-biru	dilipat-lipat
digonjokkan	diperolokkan
embuk	ibu/emak
fiil (fiel)	perangai, tingkah laku
hukama	para cerdik pandai
hakim	orang pandai-pandai, cendekiawan
incit	nyah, pergi
juak-juak	hamba raja yang menjadi pengiring raja
junun	gila
kapit	pengiring
kaus	kasut, sepatu
kerajaan	tanda kebesaran, mahkota
khalkah	gelang kaki
keruh	kira-kira dua batu
keti	seratus ribu
lamun	namun, meskipun
laksa	sepuluh ribu
lasykar	perajurit
leler	tidak senonoh, nakal
makhdum	tuan
makin	apa lagi, lebih-lebih

sambungan **Lampiran 1**

mangkubumi	bendahara, perdana menteri
manira	aku
matahari hidup	timur
maya	apa
meta	ganas, liar
mungmung	sejenis canang yang besar
natar	warna dasar pada kain
pacal	hamba
pancar	keturunan, anak cucu
paksina	utara
penaka	seperti
penanggungan	dapur
pengatu	sejenis meriam
pancapersada	tempat bersemayam raja waktu pertabalan
perlindungan	jamban
raga-raga	berlagak-lagak
rimah	sisa, lebih makanan
remak	lebih baiklah, biarlah
riding	sejenis jerat yang dibuat daripada rotan
sabuk	kain ikat pinggang
seberhana	selengkap pakaian
semaja	sengaja
senda	saya
seni-seni	halus-halus
suluh	pengintai, mata-mata
tagar	guruh
tas	kata seru
termadkur	tersebut
terala	sangat mulia
wardi	perintah
wilis	biru kehijau-hijauan

Lampiran 2

Senarai kata arkaik/sastera lama yang dipetik daripada teks *Hikayat Malim Deman*

Kata arkaik/sastera lama	Makna
ajar-ajar	pertapa/pendeta
bajan	bejana
berpukas	bertelanjang, berbogel (untuk perempuan)
beryang-yang	berdoa/membaca mantera
biram	gajah
biti-bitu	hamba perempuan di istana
biaperi	saudagar
budak kundang	budak pengiring raja
berbeka	berbual-bual
dirawat	ditukarkan rupa kepada keadaan yang asal
daluang	kertas atau kain daripada kulit kayu
dandi	sejenis gendang besar
hatta	lalu, maka
ikhtiar	pendapat, bicara
jendera/cendera	lena atau nyenyak
gada-gada	bendera kecil di tiang kapal
kalamandan	peti simpan pakaian
karar	aman
kasah	sejenis tikar rotan
kula	patik, saya
mandung	ayam jantan
mongkor	tandu atau usungan
mejelis	cantik, elok
mala	layu
mustaid	siap, sedia
pegari	kelihatan
pegawai	alat perkakas
peroman	rupa (muka)
peterana	tempat duduk anak raja
ramal (rumal)	sapu tangan
berpukas	berbogel
tambul	minuman
terlepa	terlentang
terum	derum
tila	berselang-seling
warita	berita, khabar, cerita

Lampiran 3

Senarai kata arkaik yang dipetik daripada teks *Hikayat Hang Tuah*

Kata Arkaik	Makna
adipati	jawatan pentadbir tinggi
astakona	segi lapan
ajar-ajar	pertapa, pendeta
angur	lebih baik
azamat	hebat, kuat sekali
bandala	bungkusan, ikatan (besar)
bolak	salah
bersuaka	berlindung
cendera	bulan, dewa
daluang	kertas atau kain daripada kulit kaya
duli	abu, debu
gaz	ukuran panjang
ghurab	perahu
hatta	maka, lalu
istinggar	sejenis senapang kuno
kalakian	ketika itu, lalu, kala itu
kaus	kasut
kula	patik, saya
kulakasar	perkakas, barang-barang
lasykar	askar
mandalika	panggilan orang-orang yang bertaraf penghulu
narawastu	akar wangi
nikmat	makanan (yang lazat-lazat)
pegawai	alat perkakas
penaka	seperti, sebagai
pertaha	sejenis kitab ramalan
perwara	gadis yang mengiringi raja permaisuri
rentaha	sejenis meriam yang boleh pusing-pusing
sakai	orang suruhan
sakar	gula
semaja	sahaja
semberap	selengkap
sulu	suluh, sulur
syahadan	selanjutnya, sesungguhnya
sida-sida	pegawai tinggi dalam istana
semaja	sahaja
semberap	selengkap (pakaian)
serual	seluar

S. NATHEAN

sambungan **Lampiran 3**

sukat	sekiranya
syahadan	sesungguhnya, selanjutnya
tandu	sejenis usungan
tunggul	bendera
tendas	kepala
ulun	hamba, saya
upaduta	penolong duta besar
utusan	tukang